

08 OCT 1996

TENAGA JANGKA TIADA MASALAH DAPATKAN DANA UTK TINGKATKAN KEUPAYAAN

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) merasakan ia tidak akan menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber dana bagi program lima tahunnya, bagi meningkatkan keupayaan penghantaran apabila empangan Bakun menghasilkan tenaga nanti.

Pengerusi Eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali menyatakan dana itu diperlukan memandangkan usaha syarikat untuk memperkukuhkan dan membina keupayaan yang diperlukan bagi penghantaran tenaga ke seluruh negara.

Dr Ahmad Tajuddin menyatakan bagi 1996/97, syarikat itu memerlukan RM5 bilion untuk perbelanjaan modal yang akan diperolehi daripada sumber tempatan dan juga pinjaman antarabangsa.

Berkaitan dengan dana antarabangsa, beliau menyatakan beliau tidak menjangkakan masalah untuk memperolehinya, beliau menambah kata berasaskan lawatannya ke Hong Kong semalam beliau telah mendapat petunjuk yang positif daripada pertubuhan dana antarabangsa.

Ditanya berkaitan dengan rancangan TNB untuk mempertingkatkan penghantaran tenaga dalam tempoh lima tahun yang akan datang beliau menyatakan Malaysia menjangkakan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar 8.0 peratus, dengan 14 peratus hingga 16 peratus pertumbuhan dalam sektor perusahaan.

Ini bermakna 14 peratus hingga 16 peratus pertumbuhan dalam permintaan tenaga elektrik setahun, kata beliau.

Oleh itu pelaburan baru diperlukan bagi keupayaan penghantaran baru, dan juga mempertingkatkan sistem penghantaran yang sedia ada, kata beliau.

Ditanya sama ada Tenaga merancang untuk menjual tenaga yang berlebihan ke negara-negara jiran seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau menyatakan Tenaga telah berunding berkaitan dengan perkara itu dengan Thailand dan Singapura tetapi gagal untuk mendapatkan persetujuan berkaitan dengan kadarnya.

Beliau menyatakan Tenaga tidak akan menjual tenaga yang berlebihan pada kadar yang rendah berbanding kadar tempatan.

Berkaitan dengan cadangan oleh Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) untuk keluar dari projek gentian optik, Dr Ahmad Tajuddin menyatakan beliau tidak mengetahui perkara itu dan akan mendapatkan maklumat daripada MRCB pada penghujung minggu ini. -- BERNAMA

YBK RIF/sia